

Latihan Pengukuhan

1. Isi tempat kosong dengan maklumat yang betul tentang ciri iklim di Asia.

- a) Kawasan yang beriklim _____ mengalami suhu pada musim sejuknya di bawah takat beku, iaitu kira-kira _____. Kerpasannya turun dalam bentuk _____.
- b) Contoh negara yang beriklim Tundra ialah _____.
- c) Iklim Laurentia dialami di _____, Korea Utara dan _____.
Di Kawasan ini, kerpasam turun dalam bentuk salji pada _____.
- d) Suhu yang mencecah -17°C hingga -5°C pada musim sejuk ialah Kawasan beriklim _____.
- e) Zon panas sederhana terdiri daripada iklim _____, _____ dan _____.
- f) Contoh negara yang mengalami iklim Steppe ialah selatan Rusia dan _____.
- g) Negara Turki, _____ dan Syria mengalami iklim Mediterranean.
- h) Kawasan yang beriklim Steppe mengalami _____ pada musim sejuk.
- i) Kawasan yang beriklim Khatulistiwa berkeadaan _____ dan _____ sepanjang tahun.
- j) Malaysia, Singapura dan Brunei Darussalam menerima hujan tahunan _____.
- k) Kawasan _____ menerima jumlah hujan tahunan kurang daripada 250 mm.
- l) Negara yang mengalami musim kering dan musim lembap yang nyata ialah _____, Laos, _____ dan Thailand.

Tundra	Lubnan	musim sejuk	ribut salji
Steppe	panas	utara Jepun	utara China
melebihi 2600 mm	gurun panas	Mediterranean	China
Mongolia	India	Myanmar	lembap
Siberia	-28°C	utara Rusia	salji